

Ekonomi tumbuh 5 peratus
Utusan Online
24 Mei, 2012
Oleh SARAH NADLIN ROHIM

KUALA LUMPUR 23 Mei - Pertumbuhan ekonomi negara dijangka berada dalam radar empat hingga lima peratus pada tahun ini dengan mengambil kira tiada kejutan berlaku dalam tempoh terdekat.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz berkata, walaupun krisis hutang kerajaan di Eropah masih memberikan risiko kepada ekonomi global tetapi permintaan domestik dijangka kekal berdaya tahan.

"Bagi ekonomi Malaysia, meskipun persekitaran luaran yang mencabar masih memberi risiko kepada prospek pertumbuhan.

"Namun, perbelanjaan sektor swasta yang terus meningkat dan disokong pula dengan perbelanjaan sektor awam dijangka dapat menyokong prestasi pertumbuhan secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengumumkan prestasi pertumbuhan ekonomi negara untuk suku pertama 2012 di sini hari ini.

Tambah Zeti, walaupun global berhadapan dengan ketidakpastian, pemulihan secara beransur-ansur di Amerika Syarikat dan Eropah dijangka mencerahkan lagi prospek pertumbuhan global.

Pada suku pertama, Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi mampan pada kadar 4.7 peratus, berbanding 5.1 peratus pada tempoh yang sama tahun lalu.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai kemungkinan berlaku peningkatan inflasi, Zeti berkata, dengan harga minyak mentah yang berlegar sekitar AS\$100 (RM300) hingga AS\$105 (RM315), inflasi dijangka tidak akan berlaku.

"Kadar inflasi seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) menjadi sederhana kepada 2.3 peratus pada suku pertama," jelasnya.

Zeti berkata, dasar monetari semasa akan terus menyokong kegiatan ekonomi negara dengan kadar dasar semalaman (OPR) kekal pada 3.00 peratus.

"Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank purata bagi semua tempoh matang adalah stabil, dengan kadar pinjaman asas (BLR) kekal pada 6.53 peratus.

"Manakala, kos peminjaman bagi sektor perniagaan dan isi rumah masih di bawah paras sebelum krisis. Suku pertama menyaksikan, jumlah pembiayaan kasar yang diperolehi sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM259.9 bilion," jelasnya.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0524&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm